

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN
(KOTA KINABALU)**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju dengan cadangan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) yang mencadangkan moratorium pembaharuan lesen kenderaan motor (LKM) dan lesen memandu Malaysia (LLM) dilanjutkan sekurang-kurangnya hingga akhir tahun ini? Apakah alasan Kerajaan bagi menafikan ataupun bersetuju dengan cadangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) amat peka dengan maklum balas dan kesukaran orang ramai baru-baru ini dalam menggunakan perkhidmatan agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

Sehubungan itu, Kementerian ini telah memutuskan untuk memberi pelanjutan terhadap tempoh pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Lesen Memandu Malaysia (LMM) sehingga 31 Disember 2021. Selaras dengan keputusan ini, mana-mana pemilik LKM dan LMM yang telah tamat tempoh sah tidak akan dikenakan tindakan penguatkuasaan dan pematuhan oleh pihak JPJ serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga 31 Disember 2021.

Pemilik LKM yang telah tamat tempoh sah perlu memastikan kenderaan masing-masing dilindungi insurans yang sah. Sijil Perlindungan Insurans (*e-cover note*) yang sah perlu dipaparkan dan ditunjukkan bagi tujuan pemeriksaan.

Orang ramai digalakkan menggunakan perkhidmatan dalam talian menerusi portal mySIKAP JPJ atau melalui portal dalam talian rakan-rakan strategik JPJ yang lain seperti Pos Malaysia Berhad, MyEG dan PUSPAKOM, untuk membuat apa-apa transaksi JPJ yang berkaitan. Ini bertujuan mengelakkan kesesakan di kaunter JPJ serta memberi kemudahan dan kesenangan kepada orang ramai dalam membuat transaksi pembaharuan LKM dan LMM.

Kementerian Pengangkutan ingin mengingatkan orang ramai supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan ketika berurusan di mana-mana kaunter JPJ termasuk memakai pelitup separuh muka, menggunakan cecair pembasmi kuman atau '*hand sanitizer*', mengamalkan penjarakan fizikal dan mendaftar masuk atau '*check-in*' menggunakan aplikasi MySejahtera.